

Jangan meminjam untuk bermewah-mewah

SUKA atau tidak, manusia perlu hidup mengikut kemampuan mereka. Mengetengahkan cara hidup mewah dengan menambahkan hutang atau mencipta hutang merupakan permulaan kepada gaya hidup yang semakin rosak.

Tidak salah berhutang sekiranya benar-benar perlu, tetapi berhutang semata-mata untuk dilihat mewah adalah kesilapan yang besar.

Masyarakat hari ini digawatkan dengan pelbagai tragedi melibatkan Ah Long dan peminjam yang tidak selesai membayar hutang.

Pembunuhan, bunuh diri dan kecederaan yang dialami oleh ahli keluarga peminjam nampaknya tidak cukup kuat untuk menyedarkan ahli masyarakat supaya tidak mendedahkan diri mereka ke dalam bahana ini.

Ada cadangan supaya peminjam turut dikenakan tindakan kerana menggalak-

kan perniagaan memberi hutang dan ada juga yang mempertikaikannya kerana ia tidak boleh menyelesaikan masalah.

Mungkin benar, ia tidak menyelesaikan masalah tetapi sekurang-kurangnya masalah itu sedikit berkurangan. Bukankah itu lebih baik daripada menunggu dan melihat?

Selain daripada mengambil tindakan ke atas peminjam, kempen gaya hidup yang sihat juga amat perlu ditekankan dalam setiap unit keluarga.

Isteri perlu memastikan bahawa suami tidak terlibat dalam perbuatan judi yang sekali gus mendekatkan mereka kepada Ah Long kerana kaki judi memerlukan wang yang cepat dan banyak.

Institusi pemberi pinjaman tidak akan dapat memberikan jumlah yang banyak dengan segera kerana beberapa prosedur yang perlu diikuti. Ia bukanlah masalah kerenah dalam memohon pinjaman atau

sebagainya, kerana bagaimana birokrasi sekalipun, sekiranya peminjam benar-benar kepingin wang untuk memulakan perniagaan atau membiayai rawatan ahli keluarga, mereka masih sanggup menunggu, tetapi tidak kaki judi dan orang yang suka berfoya-foya.

Ini dikuatkan dengan jumlah kes yang dilaporkan oleh Biro Pengaduan Awam MCA pada tahun 2006, iaitu daripada 486 kes ugutan Ah Long, 80 peratus da meminjam wang untuk tujuan berjudi dan berfoya-foya. Dan tahun 2007 yang baru menjejak 31 hari ini, sebanyak 50 kes telah dilaporkan.

Ia menunjukkan bahawa masalah ini semakin kronik dan perlu tindakan segera pihak berkuasa selain maklumat dan bantuan orang awam sebagai mata dan telinga yang membantu mangsa.

Dilihat daripada perspektif yang lain, hendak dibiarkan sahaja peminjam yang

mewah judi ini merasakan bagaimana peritnya padah meminjam wang yang tidak sepatutnya dipinjam.

Bagaimanapun, anak dan isteri yang turut menanggung derita dan ugutan bunuh, rogol dan sebagainya hingga takut ke sekolah perlu dibantu kerana mereka tidak berdosa di atas kesalahan orang lain.

Cuma, sudah-sudahlah bermewah nafsu hingga berhutang kerana pembangunan negara dan bangsa hari ini tidak perlukan cara hidup yang sebegitu. Ia tidak menyumbang kepada kualiti hidup yang baik seperti yang negara ingini, malah memusnahkan keharmonian hidup yang menjadi tunjang kepada negara yang hadhari.

**- NIK SALIDA SUHAILA
NIK SALLEH
Nilai, Negeri Sembilan.**